

Sah Usno mahu rujuk Barisan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan Usno telah memohon untuk menyertai Barisan Nasional semula.

Dalam sidang akhbar ketika berehat di perhimpunan agung Umno di sini, beliau berkata, "Memang benar, Usno sudah memohon menyertai BN semula".

"Bagaimanapun," katanya, "Itu adalah urusan BN".

Beliau enggan mengulas lanjut.

Akhbar-akhbar melaporkan minggu lalu bahawa Presiden Usno, Tun Datu Haji Mustapha Datu Harun, telah mengemukakan permohonan parti itu.